

1 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

"Malik _____ sahaja di atas pangkin ketika orang lain bertungkus _____ membina jambatan yang roboh itu," kata Aris.

- ☐ A buat-buat
- ☐ B tahu-tahu
- ☐ C malu-malu
- ☐ D duduk-duduk

2 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Morfologi

Puan Fatimah melarang anak-anaknya keluar pada waktu malam _____?

- ☐ A apa
- ☐ B siapa
- ☐ C berapa
- ☐ D mengapa

3 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betulnya**.

- I Alat itu dapat digunakan oleh Pak Cik Kamil untuk *bengkok* besi.
- II Wanita tua yang *bengkok* sabut itu ibu kepada pemilik inap desa yang kami sewa kelmarin.
- III Tiang elektrik di tepi jalan menghala ke Teluk Batik itu *bengkok* akibat dilanggar lori pada petang semalam.
- IV Orang yang berakal *bengkok* seperti Syamil sanggup menyelewengkan wang syarikat demi kepentingan dirinya.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

4 .

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Kosa Kata

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betulnya**.

- I Keindahan puisi karya Usman Awang *terpendam* dengan semangat nasionalisme.
- II Fikirannya *terpendam* akan peristiwa kemalangan yang menimpa dirinya pada malam tadi.
- III Harta karun yang *terpendam* di dalam tanah sejak berkurun-kurun lamanya telah ditemui oleh ahli arkeologi.
- IV Keinginan Yasmin untuk menyertai pertandingan bahas itu *terpendam* dalam hatinya sejak dia mula bersekolah di situ.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

5.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

Aduhai, sedihnya hati ini apabila melihat sampah sarap bertaburan di sekitar kawasan air terjun ini!

- ☐ A Nah, sedihnya hati ini
- ☐ B Eh, gembiranya hati ini
- ☐ C Wah, gembiranya hati ini
- ☐ D Aduhai, sedihnya hati ini

6.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

Tindakan pemuda-pemuda itu terdapat pujian daripada penduduk kampung apabila mereka bekerjasama mengusahakan sebidang tanah terbiar.

- ☐ A muda-muda itu mendapat pemuji
- ☐ B pemuda-muda itu dapatan pujian
- ☐ C pemuda-pemuda itu mendapat pujian
- ☐ D pemuda-pemuda itu terdapat pujian

7.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Ke manakah awak pergi sejak kelmarin?
- II Syabas, kamu telah lulus dalam ujian fizikal itu!
- III Minta datang ke majlis persandingan kami pada hari Ahad ini.
- IV Mengapa gejala sosial perlu dibendung dari peringkat awal lagi?

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

8.

Konstruk Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- I Mereka sama-bersama menyumbang tenaga dalam program kitar semula itu.
- II Semua pihak perlu membudayakan amalan hijau dalam kehidupan sehari-hari.
- III Tumbuhan herba di hutan itu menjadi sumber ubat-ubatan kepada penduduk Kampung Seri Gading.
- IV Pak Darus berjuang habis-habisan mempertahankan tanah sawahnya daripada diambil oleh pihak pemaju perumahan itu.

- ☐ A I dan II sahaja
- ☐ B III dan IV sahaja
- ☐ C I, II, dan III sahaja
- ☐ D II, III, dan IV sahaja

9.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Sintaksis

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

Penggunaan komputer lebih banyak membawa kesan baik daripada kesan buruk kepada manusia.

- ☐ A Dengan penggunaan komputer yang banyak, manusia menerima kesan baik dan buruk.
- ☐ B Manusia menerima kesan baik yang lebih banyak daripada kesan buruk dalam penggunaan komputer.
- ☐ C Lebih banyak manusia menerima kesan baik daripada kesan buruk apabila menggunakan komputer.
- ☐ D Penggunaan komputer yang banyak telah mengakibatkan manusia menerima kesan yang baik dan buruk.

10.

Konstruksi Pengetahuan Sistem Bahasa: Peribahasa

Pilih **peribahasa** yang paling sesuai.

Puan Hanum merancang perbelanjaan supaya beliau tidak boros ketika berbelanja.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

- ☐ A Sabar macam nabi
- ☐ B Adil macam hakim
- ☐ C Cerdik macam kancil
- ☐ D Berani macam harimau